

MAHKAMAH TINGGI,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
KUALA LUMPUR.

Bil: (41)d/m.JK/MA 38 Jld. IV

Tarikh: 31hb. Oktober, 1992.

Hakim,
Mahkamah Sesyen,
Semenanjung Malaysia

Penolong Kanan Pendaftaran,
Mahkamah Tinggi,
Semenanjung Malaysia

Majistret,
Mahkamah Majistret,
Semenanjung Malaysia



Tuan/Puan,

ARAHAN AMALAN NO. 4 TAHUN 1992.

MELANTIK ASESOR DALAM PERBICARAAN KES
PENGAMBILAN TANAH

Mengikut Akta A575/84 kes-kes pengambilan tanah yang dimulakan sebelum 20.1.1984 hendaklah terus dibicara mengikut kehendak seksyen 40, 41 dan 42 Akta Pengambilan Tanah, iaitu dengan Hakim dibantu oleh 2 orang asesor.

2. Ada Hakim-Hakim yang mengalami kerumitan kerana kesukaran mendapat orang-orang yang sesuai untuk dilantik di bawah seksyen 40 Akta itu sebagai asesor.


3. Y.A.A. Ketua Hakim Negara mengarahkan bahawa kesukaran sedemikian bolehlah diatasi dengan menimbangkan mereka yang ada dalam lis juri dilantik sebagai asesor. Ini adalah semata-mata dibuat untuk memenuhi kehendak undang-undang memandangkan perbicaraan kes pengambilan tanah boleh dibicarakan oleh Hakim berseorangan bagi kes-kes yang bermula pada dan selepas 20.1.1984.

...2/-

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(MUHAMAD IDERES BIN MUHAMAD RAPEE)
Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Malaya,
b.p. Ketua Pendaftar,
Mahkamah Agung Malaysia.

s.k.

- 1) Y.A.A. Ketua Hakim Negara.
- 2) Y.A.A. Hakim Besar Malaya.
- 3) Y.A.A. Hakim Besar Borneo - Untuk makluman.
- 4) Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung - Untuk makluman.
- 5) Y.A. Hakim-Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Malaya.
- 6) Y.B. Peguam Negara Malaysia.
- 7) Ketua Setiausaha, Kementerian Undang-Undang.
- 8) Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Semenanjung
Malaysia.
- 9) Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur.
- 10) Pustakawan Mahkamah Agung, Kuala Lumpur.
- 11) KANUN,
Dewan Bahasa & Pustaka,
Kuala Lumpur.
- 12) Malayan Law Journal,
3 Shenton Way,
14-03 Shenton House,
Singapore 01-06
- 13) Current Law Journal,
Lot 12, Ground Floor,
Bangunan Strait Trading,
50700 Kuala Lumpur.